❤PENANG

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

16 - 31 MEI, 2025

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow


# Lafaz Ikrar Taat Setia



TUN Ramli Ngah Talib berkenan menerima anugerah D.U.P.N pada Istiadat Angkat Sumpah Jawatan TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Kesembilan di sini.

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL & AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMMAD & LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow melafaz ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ikrar taat setia kepada Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Kesembilan, Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli Ngah Talib dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Datin Seri Noora Ashikin Raja Abdullah pada 1 Mei lalu di sini.

Kon Yeow yang mewakili seluruh jentera pentadbiran Kerajaan Negeri dan rakyat Pulau Pinang menyeru semua pihak bekerjasama dalam usaha memajukan negeri ini.

"Marilah kita bersama-sama mencipta suasana ekonomi yang subur, mempertingkat daya saing, memperkukuh perkhidmatan awam, merancakkan pelaburan dan membina ekosistem sosioekonomi serta politik negeri yang lebih gemilang.

"Justeru, saya, bersama-sama pucuk pimpinan Kerajaan Negeri pada hari ini, dengan hati yang penuh keikhlasan dan tekad yang membara, sentiasa bersedia, berganding bahu, menabur bakti tanpa lelah, demi memberikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat dan negeri yang kita kasihi ini.

"Semoga obor perjuangan ini akan terus menyala, membawa sinar harapan dan kejayaan kepada kita semua, demi kemakmuran serta keharmonian negeri yang kita cintai," ujarnya pada Istiadat Angkat Sumpah Jawatan Tuan Yang Terutama (TYT) Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Kesembilan di Dewan Sri Pinang di sini.

Pada kesempatan sama, Kon Yeow turut menzahirkan ucapan setinggi-tingginya penghargaan dan terima kasih kepada Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Abdul Razak, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang kelapan atas segala jasa dan bakti yang telah dicurahkan untuk negeri yang tercinta ini sejak tahun 2021.

Terdahulu, Kon Yeow yang diiringi isteri, Y.A.Bhg. Puan Tan Lean Kee turut menyambut ketibaan Tun Ramli dan Yang Mulia Toh Puan bagi memulakan upacara di dataran Dewan Sri Pinang dekat sini.

*(Sambungan di muka 2).*



KETUA Menteri dan isteri merakamkan gambar kenangan bersama-sama Tun Ramli Ngah Talib dan isteri usai istiadat berkaitan.

(Sambungan dari muka 1).

# Kerjasama, usaha majukan negeri

Di dataran, istiadat dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku serta Untuk Negeri Kita dan disusuli dengan pemeriksaan kawalan kehormatan dari Batalion Kedua Rejimen Askar Melayu Diraja yang terdiri daripada tiga pegawai dan 103 anggota lain-lain pangkat dan diketuai oleh Mejar Mohd. Solleh Kamal bersama-sama SMR Perbarisan Pegawai Waran 1, Mohd. Redzuan Buang.

Istiadat kemudiannya diteruskan dengan pengumuman pelantikan Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Ke-9 oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Zulkifli Long yang mana menyaksikan Tun Ramli menandatangani surat cara angkat sumpah jawatan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, Yang Arif Dato' Rozana Ali Yusoff selaku saksi.

Selepas itu, Tun Ramli berkenan menerima anugerah Darjah Utama Pangkuan Negeri (D.U.P.N.) yang membawa gelaran 'Dato' Seri Utama', disematkan oleh Kon Yeow.

Usai upacara di Dewan Istiadat, tembakan meriam sebanyak 17 das dilepaskan menandakan istiadat pada hari tersebut disempurnakan.

Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan Negeri, Dato' Seri Law Choo Kiang serta isteri, Datin Seri Teoh Hooi Tuang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid serta isteri, Datin Noraini Abd. Jalil; Timbalan Ketua Menteri II, Jagdeep Singh Deo serta isteri, Belinda Bhar dan barisan Exco Kerajaan Negeri lain antara pimpinan negeri yang turut serta dalam istiadat tersebut.

Sebagai rekod, Tun Ramli menggantikan Tun Ahmad Fuzi yang tamat tempoh jawatan sebagai TYT Pulau Pinang pada 30 April 2025 selepas berkhidmat selama empat tahun.



PEMERIKSAAN kawalan kehormatan Batalion Kedua Rejimen Askar Melayu Diraja disempurnakan oleh Tun Ramli Ngah Talib.



SEBANYAK 17 das tembakan meriam dilepaskan menandakan istiadat disempurnakan.

### FAKTA MENARIK

Berikut adalah senarai Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang sejak 31 Ogos 1957:

- **Raja Uda Raja Muhammad** (31 Ogos 1957 – 30 Ogos 1967)
- **Tun Syed Sheh Shahabudin** (31 Ogos 1967 – 31 Januari 1969)
- **Tun Syed Sheh Hassan Barakbah** (1 Februari 1969 – 1 Februari 1975)
- **Tun Sardon Jubir** (2 Februari 1975 – 30 April 1981)
- **Tun Awang Hassan** (1 Mei 1981 – 30 April 1989)
- **Tun Hamdan Sheikh Tahir** (1 Mei 1989 – 30 April 2001)
- **Tun Abdul Rahman Abbas** (1 Mei 2001 – 30 April 2021)
- **Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak** (1 Mei 2021 – 30 April 2025)
- **Tun Haji Ramli Ngah Talib** (1 Mei 2025 – kini)

# Yang Mulia Toh Puan terima Darjah Utama Pangkuan Negeri

**GEORGE TOWN –** Isteri kepada Yang Dipertua Negeri (TYT) Pulau Pinang Kesembilan, Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin Raja Abdullah menerima Darjah Utama Pangkuan Negeri (D.U.P.N) pada Istiadat Penganugerahan Khas pada 7 Mei lalu di sini.

Yang Mulia Toh Puan menerima anugerah tertinggi Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang membawa gelaran 'Dato' Seri Utama' yang disampaikan oleh TYT, Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib.

Istiadat penganugerahan darjah kebesaran itu disaksikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow serta isteri, Y.A.Bhg. Puan Tan Lean Kee; Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri merangkap Pengerusi Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan Negeri, Dato' Seri Law Choo Kiang serta isteri; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid serta isteri; Exco-Exco Kerajaan Negeri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.



YANG Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin Raja Abdullah (kanan) menerima D.U.P.N pada Istiadat Penganugerahan Khas di sini baru-baru ini.

Dalam majlis penuh istiadat berkaitan, Mufti Negeri Pulau Pinang, Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd. Sukki Othman memimpin bacaan doa.

Yang Mulia Toh Puan dilahirkan pada 4 Februari 1948 dan dibesarkan di Ipoh, Perak serta merupakan anak kepada Yang Mulía Raja Abdullah Raja Syed Salim iaitu seorang tokoh perlombongan bijih timah Melayu dari Perak.

Yang Mulia Toh Puan telah mendirikan rumah tangga bersama Tun Ramli pada tahun 1973 dan dikurniakan empat cahaya mata serta cucu (7).

Darjah Utama Pangkuan Negeri (D.U.P.N) adalah darjah kebesaran tertinggi di Pulau Pinang yang mana ia telah dizahirkan pada tahun 1967 dan dikurniakan kepada orang perseorangan yang telah berbuat jasa yang amat cemerlang kepada negeri Pulau Pinang.

Kurniaan berkenaan dihadkan kepada 20 orang yang masih hidup, tidak termasuk bukan warganegara Malaysia yang boleh dikurniakan anugerah ini secara kehormat.

Darjah kebesaran tersebut mengandungi kalung, bintang, selempang dan lencana darjah.

# Gembleng penyertaan komuniti demi pembangunan seimbang

**BUKIT TENGAH –** Usaha-usaha untuk menggembleng penyertaan komuniti dan rakyat akan diperhebatkan lagi bagi menyokong inisiatif pembangunan yang seimbang selaras dengan gagasan Visi Penang2030.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan berkata demikian semasa menyempurnakan Festival Kebun Sireh X Penang2030 anjuran bersama Pusat Khidmat Parlimen Batu Kawan, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Persatuan Muay Thai Pulau Pinang di sini pada 20 April lalu.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa contohnya pada penganjuran pada hari ini, ia memfokuskan kepada sukan Muay Thai yang merupakan salah satu daripada seni mempertahankan diri atau sukan tempur yang semakin mendapat perhatian masyarakat.

"Menerusi platform ini, saya difahamkan bahawa ia telah menampilkan sebanyak 28 pasangan peserta yang akan bertempur membabitkan komuniti lokal.



**PERTANDINGAN dam merupakan antara pertandingan yang mencuri tumpuan pada penganjuran Festival Kebun Sireh X Penang2030 baru-baru ini.**

"(Dan) secara tidak langsung, program pada hari ini merupakan manifestasi bahawa rakyat Pulau Pinang adalah sebuah komuniti aktif melibatkan diri dalam aktiviti bermasyarakat serta aktiviti-aktiviti sihat sebagai salah satu usaha memperkasakan komuniti melalui penyertaan awam yang merupakan inisiatif berterusan oleh Kerajaan Negeri," jelasnya pada majlis berkenaan.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung; Presiden Persatuan Muay Thai Pulau Pinang, Hilmie Ibrahim dan Pengerusi MPKK Kebun Sireh, Abdul Halim Ahmad.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi turut berharap agar Pulau Pinang berupaya menjadi negeri maju dan dihuni rakyat jelata selari Visi Penang2030.

"Visi Penang2030 merupakan satu wawasan untuk membangunkan negeri Pulau Pinang dan memberi pembangunan seimbang yang membawa manfaat dalam menaikkan taraf kehidupan rakyat jelata secara keseluruhan.



**ANTARA peserta cilik yang turut mengambil bahagian pada kejohanan berkaitan kali ini.**

*(Gambar : Kelab Muay Thai Padimas)*

"(Dan) diharapkan dengan baki masa yang masih ada, kita dapat memperhebatkan lagi usaha untuk menggembleng penyertaan komuniti dan rakyat bagi menyokong inisiatif pembangunan seimbang," serunya.

## Perkasakan peranan Malaysia

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**

**KUALA LUMPUR –** Kerajaan Persekutuan perlu memperkasakan peranan Malaysia selaku Pengerusi ASEAN untuk menangani kesan tarif timbal balik oleh Amerika Syarikat ke atas eksport Malaysia.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa dalam menangani cabaran ekonomi semasa, Malaysia seharusnya memanfaatkan peranan penting itu bagi mengembalikan keseimbangan kuasa antara ASEAN dan Amerika Syarikat.

Menurut beliau, salah satu langkah penting yang perlu diambil oleh Malaysia adalah dengan mempercepatkan Sidang Kemuncak ASEAN-Amerika Syarikat.

"Forum peringkat tinggi ini adalah amat penting untuk membingkai semula rundingan perdagangan secara lebih adil dan untuk menzahirkan suara ekonomi kolektif ASEAN.

"ASEAN perlu lebih lantang bersuara bukan sebagai 10 pasaran yang berpecah tetapi sebagai satu blok yang bersatu padu.

"Malaysia yang memegang peranan sebagai Pengerusi pada tahun ini harus memimpin dengan tegas dan jelas," katanya ketika membahaskan usul sempena Mesyuarat Khas Penggal Keempat Majlis Parlimen Kelima Belas Dewan Rakyat pada 5 Mei lalu di sini.

Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan berkata bahawa Kerajaan Persekutuan juga perlu mempercepatkan pelantikan seorang Duta Besar yang diperuntukkan khusus ke Amerika Syarikat.

Menurut beliau, penyelesaian strategik dan jangka masa panjang itu amat penting untuk mengukuhkan hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat sebagai salah satu rakan perdagangan utama.

"Peranan ini amat penting bukan sahaja untuk mewakili kepentingan Malaysia tetapi juga bagi mengangkat keutamaan dan aspirasi negara pada peringkat tertinggi.

"Seorang duta yang berdedikasi akan memastikan suara Malaysia sentiasa didengari dan kepentingan kita sentiasa dilindungi dalam hubungan dua hala yang amat penting ini," jelasnya.

Pada masa sama, Kon Yeow turut memuji usaha Kerajaan Persekutuan kerana menubuhkan Pusat Tindakan Geoekonomi Nasional (NGCC),



**KETUA Menteri ketika membahaskan usul sempena Mesyuarat Khas Penggal Keempat Majlis Parlimen Kelima Belas Dewan Rakyat di ibu negara baru-baru ini.**

pasukan petugas tarif MITI (Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri) serta menjalinkan rundingan dua hala dengan pihak berkuasa Amerika Syarikat.

"Langkah-langkah ini menunjukkan kesungguhan Malaysia dalam menangani ketegangan perdagangan tanpa mengambil jalan balas dendam.

"Pulau Pinang menyambut baik hasil daripada misi rundingan ke Washington D.C., yang diketuai oleh YB Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz serta YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dalam perbincangan bersama wakil perdagangan kanan Amerika Syarikat dan Setiausaha Perdagangan Amerika Syarikat, Howard Lutnick.

"Kami yakin bahawa rundingan ini akan membawa pada penyelesaian yang saling menguntungkan, berteraskan kepercayaan, keadilan dan perkongsian strategik jangka panjang," katanya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berkata bahawa Pulau Pinang merupakan antara negeri yang paling berpotensi terkesan dengan pelaksanaan tarif timbal balik Amerika Syarikat.

*(Sambungan di muka 5).*

# Stesen kitar semula *e-waste* peluang kolaborasi strategik

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**BUKIT TAMBUN -** Penubuhan stesen kitar semula sisa elektronik *(e-waste)* di kawasan Parlimen Batu Kawan adalah bertepatan dengan matlamat Kerajaan Pulau Pinang hari ini dalam membina negeri yang lestari serta mesra alam, seiring dengan Visi Penang2030.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya berharap inisiatif yang diusahakan kini akan memberi satu anjakan paradigma serta membuka lebih banyak peluang dalam bentuk kolaborasi strategik antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan penduduk setempat berhubung gaya hidup hijau serta lestari.

"Penubuhan stesen kitar semula sisa *e-waste* ini benar-benar mencerminkan komitmen dalam menggembleng usaha untuk memberi kembali kepada masyarakat dan mendorong perubahan mampan dengan menggalakkan amalan kitar semula sebagai antara pelan berkesan yang menjamin kesejahteraan serta




**KETUA Menteri bersama-sama barisan tetamu jemputan menyempurnakan gimik pelancaran Stesen Kitar Semula Sisa Elektronik *(e-waste)* dekat sini baru-baru ini.**

kelangsungan hidup manusia pada masa depan," jelasnya dalam Majlis Pelancaran Stesen Kitar Semula Sisa Elektronik *(e-waste)* kawasan Parlimen Batu Kawan dekat *Design Village Outlet Mall* pada 19 April 2025.

Menurut Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi itu lagi, penubuhan stesen kitar semula sisa *e-waste* berkaitan turut akan menggerakkan ekonomi kitaran.

"Ia bukan sahaja mahu memastikan sisa-sisa berkaitan diurus dan dilupuskan secara selamat, tetapi lebih penting lagi, ia merupakan satu inisiatif murni yang menggerakkan ekonomi kitaran atau *circular economy*, yang mana semua hasil kutipan sisa *e-waste* ini akan disalurkan ke sekolah-sekolah dan organisasi kebajikan di kawasan Batu Kawan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow turut merakamkan penghargaan kepada Pengarah Urusan Decent Industry Sdn. Bhd., Vincent Tan Koi Huat serta pasukannya atas usaha meneroka penyelesaian lestari berteknologi tinggi dalam sektor alam sekitar, sambil mengekalkan semangat tanggungjawab sosial korporat tinggi, di sebalik penubuhan stesen kitar semula sisa *e-waste* di Parlimen ini.

"Inilah teladan kepimpinan yang ingin kita lihat lebih banyak dalam ekonomi hijau di negara kita," serunya.

Selain Koi Huat, turut serta dalam majlis sama, Exco Perumahan dan Alam Sekitar merangkap ADUN Perai, Dato' Seri S. Sundarajoo; Ketua Pegawai Operasi PE Land Penang Sdn. Bhd., Andy Song dan Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang, Norazizi Adinan.

## Perkukuh kesiapsiagaan umum terhadap ancaman banjir

**JAWI –** Program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) di bawah Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN) yang julung kali menerima sambutan amat menggalakkan khasnya daripada masyarakat setempat.

Program anjuran Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Politeknik Ungku Omar itu juga menghimpunkan seramai 180 pelajar Kejuruteraan Awam bersama-sama lebih 20 pensyarah dengan objektif bagi meningkatkan kesedaran serta kesiapsiagaan masyarakat terhadap ancaman bencana banjir.

Pengarah JPS Pulau Pinang, Lt. Kol. Bersekutu (PA) Ooi Soon Lee berkata bahawa program tersebut merupakan antara inisiatif susulan tragedi banjir besar pada Disember 2014 yang melanda lapan negeri, meragut 25 nyawa serta menyebabkan pemindahan lebih 500,000 mangsa dengan kerugian mencecah RM2.85 bilion.

"Sebanyak 10.1 peratus kawasan di negara ini dikenal pasti sebagai kawasan berisiko banjir, melibatkan kira-kira 5.67 juta penduduk dan kerugian harta benda mencecah RM1 bilion setiap tahun yang wajar mendapat perhatian serta kesedaran umum," ujarnya pada majlis perasmian program berkaitan di sini 16 April lalu.

Turut hadir dalam program tersebut ialah Pengarah Pusat Kajian Lembangan Sungai Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), Safari Mat Desa; Timbalan Pengarah Akademik Politeknik Ungku Omar, Norman Zambri; Penolong Pengarah Kanan Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara, Khairul Azhan Jamaluddin serta wakil-wakil agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO).

Menurut Soon Lee, PRABN kini dilaksanakan secara menyeluruh dengan pembinaan model ramalan banjir di 41 lembangan sungai utama di seluruh negara termasuk Pulau Pinang.

Selain itu, beliau menyatakan bahawa pihak JPS Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan Pusat Pemantauan Banjir dan Kemarau di Komtar serta Pejabat Operasi di Seberang Perai Utara (SPU) yang lengkap dengan kemudahan sistem teknologi maklumat (ICT) serta ruang mesyuarat bagi agensi-agensi berkaitan.

"Dari segi infrastruktur pula, lapan projek rancangan tebatan banjir (RTB) berskala besar telah siap, lapan lagi sedang dilaksanakan termasuk di Lembangan Sungai Jawi dan tiga lagi bakal dimulakan dalam masa terdekat," jelasnya.

Dalam pada itu, Pensyarah Politeknik Ungku Omar, Rosmalati Aman Shah menyatakan bahawa penyertaan pelajar merupakan satu pendekatan tepat dalam memperkasa kesedaran dan kesiapsiagaan menghadapi bencana.

"Pendedahan ini membolehkan pelajar memahami peranan mereka dalam menangani risiko banjir secara lebih tersusun dan efektif.

"Ilmu yang diperoleh amat berguna sebagai panduan asas ketika menghadapi kecemasan," ulasnya.

Sehubungan itu, Pegawai Daerah Seberang Perai Utara (SPS), Khairulnizam Hashim menyuarakan kebimbangan terhadap impak perubahan iklim dan cuaca ekstrem di negeri ini yang memberi kesan besar pada infrastruktur, ekonomi serta kesejahteraan rakyat.

"Sebanyak 15 kawasan di daerah ini dikenal pasti sebagai *hotspot* banjir manakala enam kawasan lagi diklasifikasikan sebagai berisiko tinggi berdasarkan data antara 2023 dan 2024," jelasnya.

Beliau turut menegaskan bahawa kejayaan pelaksanaan PRABN adalah amat bergantung pada tahap kesedaran serta penglibatan masyarakat, dan program seperti CEPA memainkan peranan penting dalam meningkatkan kefahaman awam.

Sementara itu, pelajar dari Politeknik Ungku Omar, Muhammad Hazim Mohamad Suaimi yang merupakan Ketua Pelajar Projek berpendapat bahawa kempen berkaitan telah berjaya meningkatkan kesedaran dan pendidikan khusus pasukannya tentang kepentingan memelihara sumber air dan alam sekitar.

"Melalui pameran, ceramah serta aktiviti interaktif yang disediakan, maklumat yang disampaikan menjadi lebih mudah difahami dan berjaya menarik minat kami sebagai pelajar," ujarnya ketika ditemui pada program di sini.

Mengulas lanjut, para pelajar turut berpeluang menyertai pelbagai aktiviti luar seperti gotong-royong, penanaman pokok dan mengecat stesen hidrologi, sekali gus memberi pengalaman secara langsung dalam pemeliharaan alam sekitar.

"Pengalaman sebegini amat membantu kami memahami isu alam sekitar dengan lebih mendalam serta mengaplikasikan ilmu yang diperoleh secara praktikal," tambahnya.

Muhammad Hazim turut berkongsi bahawa selepas menyertai PRABN, beliau secara peribadi merasakan bahawa program ini sangat berjaya dalam meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar terhadap isu perubahan iklim dan bencana banjir yang semakin meruncing di negara kita.

# Lindungi ekosistem marin

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**PENGKALAN KOTA –** Pelabuhan struktur tukun tiruan dan unjam di perairan berhampiran Pulau Kendi menunjukkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam melindungi ekosistem marin di negeri ini, kata Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid.

Menurut beliau, inisiatif tersebut dilaksanakan di bawah Pelan Induk Pengimbangan Ekologi Penang Silicon Island (PEOM) sebagai sebahagian usaha memelihara kawasan marin khasnya di selatan pulau Pulau Pinang yang terlibat dengan pembangunan projek Pulau Silikon.

"Seperti yang kita tahu, PEOM merupakan sebuah pelan komprehensif dan bersepadu yang dirangka dengan teliti bagi memastikan pembangunan projek Penang Silicon Island (PSI) berupaya dilaksanakan secara mampan tanpa menjejaskan kelestarian ekosistem marin.

"Keseluruhan inisiatif ini membuktikan pendekatan pembangunan yang dibawa adalah menyeluruh dan berpandangan jauh di samping memberi kesejahteraan rakyat serta kelestarian hidup bagi generasi akan datang," ujarnya pada program berkaitan pada 21 April lalu di sini.

Hadir sama, Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Wong Yuee Harng; Ketua Pegawai Eksekutif Penang Infrastructure Corporation (PIC) Sdn. Bhd., Dato' Seri Farizan Darus dan Pegawai Daerah Barat Daya, Dato' Rosli Halim.



**DR. MohamadAbdul Hamid (empat dari kanan) bersama-sama Farizan Darus (tiga dari kanan) dan pihak-pihak terlibat pada program pelabuhan struktur tukun tiruan dan unjam dekat perairan berhampiran Pulau Kendi di sini baru-baru ini.**

Mohamad yang juga Pengerusi Jawatankuasa Taskforce Nelayan turut menegaskan bahawa usaha pelabuhan tukun bukan secara bermusim.

"Sebaliknya, ia merupakan satu komitmen berterusan, maka inisiatif ini akan terus dipantau, ditambah baik, dilaksanakan secara kolaboratif bersama agensi kerajaan, institusi akademik, badan bukan kerajaan (NGO) serta komuniti nelayan sendiri.

"Pada masa sama, usaha ini dilihat mampu memperkasakan mobiliti sosial untuk generasi baharu daripada komuniti nelayan," jelasnya yang juga ADUN Batu Maung.

Berucap sebelum itu, Farizan memaklumkan bahawa pelabuhan struktur tukun tiruan dan unjam tersebut mampu mewujudkan habitat baharu untuk hidupan marin selain menjadi antara langkah awal dalam pemuliharaan lebih menyeluruh di bawah PEOM.

"Ia telah dirancang secara teliti oleh pakar dan disokong oleh agensi berkaitan seperti Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang, Institut Penyelidikan Perikanan serta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Justeru, pihak PIC yakin pendekatan saintifik dan menyeluruh ini akan membawa impak positif terhadap ekosistem laut," katanya.

Dari segi pelaksanaan, Farizan menjelaskan bahawa konfigurasi yang akan digunakan adalah nisbah satu tukun besar kepada lapan tukun kecil, membentuk satu set tukun.

"Untuk fasa ini, dua set tukun akan dilabuhkan menjadikan jumlah keseluruhan 16 tukun kecil seberat sembilan tan setiap satu atau tukun besar seberat 21.1 tan.

"Tukun-tukun ini akan ditempatkan di kawasan perairan berdekatan Pulau Kendi yang telah dikenal pasti sebagai lokasi yang sesuai berdasarkan kajian terperinci Pusat Kajian Samudera dan Pantai (CEMACS)," ulasnya.

Tambah Farizan, lokasi tersebut dipilih kerana ia merupakan kawasan yang sering dikunjungi nelayan kawasan selatan Pulau Pinang dan juga berdasarkan empat kriteria utama iaitu jenis dasar laut yang sesuai bagi kestabilan struktur, kelarasan dengan penempatan tukun sedia ada untuk mengoptimumkan liputan dan fungsi ekologi.

"Selain itu, kriteria lain adalah jarak daripada terumbu semula jadi bagi mempercepatkan proses koloni, pertumbuhan komuniti marin, kedalaman dan keadaan persekitaran yang sesuai untuk mengelakkan kawasan curam atau trafik marin tinggi serta memastikan kualiti air yang baik.

"(Dan) ia juga terlindung daripada gangguan bot pukat tunda untuk menjamin keselamatan struktur dan sifat ekstraktif unjam yang tidak sesuai diletakkan berdekatan Pulau Kendi bagi mengelak gangguan terhadap usaha pemulihan sumber perikanan di situ," tambahnya.

Difahamkan, program ini merupakan hasil kerjasama antara Kerajaan Negeri melalui PIC; pemaju projek, Silicon Island Development Sdn. Bhd. (SIDSB) serta pakar penyelidikan dari CEMACS, Universiti Sains Malaysia (USM).

*(Sambungan dari muka 3).*

# Impak serius

"Ini kerana Amerika Syarikat merupakan negara kedua tertinggi dalam senarai eksport dari Pulau Pinang dengan nilai RM76 bilion bersamaan 17 peratus daripada keseluruhan nilai eksport negeri pada 2023.

"Malah, negara tersebut juga merupakan rakan dagangan utama kepada Pulau Pinang dengan lebihan dagangan bernilai RM 57.7 bilion pada tahun 2024.

"Justeru, pelaksanaan tarif ini dikhuatiri bakal memberi impak serius kepada Pulau Pinang dan negeri-negeri lain dalam Malaysia," katanya.

Susulan itu, Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan perbincangan meja bulat bersama-sama pihak industri daripada sektor semikonduktor, kejuruteraan serta sektor sokongan, termasuk wakil akademik dan pegawai kanan kerajaan.

Beliau berkata, maklum balas utama yang diterima adalah jelas bahawa kerajaan perlu mengambil tiga inisiatif penting iaitu mengurangkan kos pengoperasian perniagaan; menangguhkan pelaksanaan cukai baharu dan meningkatkan efisiensi kerajaan dalam menghadapi situasi semasa.

"Hasilnya, Pulau Pinang memutuskan untuk menubuhkan sebuah Pasukan Petugas Pemantauan Tarif Pulau Pinang dan menjalinkan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan Kit Alat Penyesuaian Perdagangan atau *Trade Adaptation Toolkit,*" ujarnya.



**KETUA Menteri berbual santai bersama-sama Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (kiri) dan Ahli Parlimen Sungai Petani, Mohammed Taufiq Johari (kanan) semasa menghadiri sidang khas Parlimen di sini baru-baru ini.**

# Ketagihan gajet melampau ancam pelajar

Oleh : **M. DANESWARAN**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

**KETAGIHAN** gajet dalam kalangan pelajar menjadi isu yang semakin membimbangkan pada era digital ini.

Penggunaan gajet seperti telefon pintar, tablet dan komputer riba meningkat dengan mendadak bukan sahaja untuk tujuan pembelajaran, tetapi juga hiburan.

Walaupun gajet memberikan manfaat besar dalam aspek pendidikan, penggunaannya yang berlebihan mula menimbulkan impak yang membimbangkan baik dari segi kesihatan mahupun aspek yang lebih luas iaitu tingkah laku.

Ketika tinjauan Buletin Mutiara pada 18 April lalu, rata-rata responden menceritakan bahawa ramai dalam kalangan pelajar sering menghabiskan masa berjam-jam menatap skrin tanpa memikirkan impak terhadap kesihatan mereka.

## P. Srivashniee



Ketagihan terhadap gajet turut menjadi isu serius dalam kalangan pelajar universiti, yang bergantung pada teknologi untuk pembelajaran, malah hampir setiap aspek kehidupan.

**P. SRIVASHNIEE** yang merupakan pelajar tahun akhir berusia 22 tahun dari Universiti Sains Malaysia (USM) berkata demikian dan mengakui bahawa gajet kini menjadi keperluan asas dalam pembelajaran.

"Sebagai pelajar, kami sangat bergantung pada gajet untuk melengkapkan tugasan, menghadiri kelas dalam talian dan melakukan penyelidikan.

"Teknologi ini memang penting, tetapi ia juga membawa cabaran dan memberi kesan buruk sekiranya penggunaan gajet yang terlalu lama terutama terhadap kesihatan.

"Selepas seharian di hadapan skrin, saya sering mengalami mata yang letih, sakit kepala dan rasa keletihan yang berterusan," ceritanya dengan nada jujur.

Selain itu, menurutnya, isu gangguan tidur akibat penggunaan gajet pada waktu malam juga sering berlaku dalam kalangan pelajar universiti.

"Kadang-kadang, saya tidak sedar masa berlalu apabila melayari media sosial hingga larut malam.

"Akibatnya, tidur menjadi tidak cukup dan ini memberi kesan kepada produktiviti keesokan harinya," tambahnya yang mengakui bahawa media sosial turut membawa cabaran psikologi kepada pelajar.

Jelas beliau, media sosial membantu beliau dan rakan-rakan lain kekal berhubung, namun ia juga mencipta ruang untuk perbandingan diri.

"Kadangkala, kita mula merasa rendah diri apabila melihat kehidupan orang lain yang kelihatan sempurna di media sosial," katanya yang turut berkongsi pengalaman sebelum ini.

Bagi Srivashniee, pengurusan masa yang baik dan keseimbangan antara teknologi serta aktiviti luar adalah penting untuk menangani isu ini.

"Saya cuba menetapkan masa rehat setiap satu atau dua jam semasa menggunakan gajet dan meluangkan masa untuk aktiviti seperti berjalan-jalan atau bersenam.

"Jika semua pihak lebih memahami cabaran ini dan bersama-sama mengambil langkah untuk menguruskannya, saya yakin kita mampu mencipta persekitaran yang lebih sihat untuk pelajar.

"Pelajar itu sendiri juga perlu melihat teknologi sebagai alat untuk membantu, bukan menguasai kehidupan mereka," katanya sambil menyeru agar komuniti universiti, termasuk rakan-rakan dan pensyarah, untuk memainkan peranan dalam menyokong kesejahteraan pelajar bukan sahaja di kampus malah dunia luar.

## NABISA Mohd. Kassim



**NABISA MOHD. KASSIM**, 45, meluahkan kebimbangannya mengenai ketagihan gajet yang semakin serius dalam kalangan pelajar.

"Anak sulung saya, selalu mengadu sakit kepala dan matanya juga mula menjadi kabur.

"Saya juga perasan anak sulung saya jadi cepat marah dan kurang berminat untuk belajar, itu yang amat merisaukan saya.

"Menurut doktor, masalah tersebut berpunca daripada penggunaan skrin yang terlalu lama

"Sememangnya ketagihan gajet memberi kesan pada kesihatan fizikal dan emosi anak-anak," katanya dalam nada bimbang kepada Buletin Mutiara di sini pada 16 April lalu.

Beliau turut berkongsi pengalaman mengenai anak keduanya, yang mula hilang keyakinan diri.

"Anak saya terlalu banyak melihat kandungan di media sosial sehinggakan dia rasa dirinya serba kekurangan dan tidak mencukupi," ujarnya.

Sebagai ibu, Nabisa berpendapat bahawa ibu bapa perlu memainkan peranan aktif dalam mengawal penggunaan gajet anak-anak.

"Kita tak boleh biarkan anak-anak terlalu bebas dengan gajet," katanya.

Menurut Nabisa, beliau kini menetapkan had masa untuk penggunaan gajet dan menggalakkan anak-anaknya untuk melakukan aktiviti luar seperti berbasikal.

"Saya galakkan mereka bermain di luar kerana ia membantu mereka untuk lebih fokus dan ceria.

"Dalam hal sebegini, saya rasa ibu bapa perlu menjadi teladan yang baik.

"Kalau kita sendiri sebagai ibu bapa sentiasa dengan telefon, bagaimana kita mahu anak-anak menjauhi gajet.

"Saya percaya, bahawa kita (ibu bapa) perlu luangkan lebih banyak masa bersama anak-anak setiap hari.

"Kita perlu bercakap dengan mereka, berkawan dengan mereka dan memahami apa yang mereka suka atau hadapi.

"Saya harap sangat, ibu bapa di luar sana, perlu sedar akan bahaya ketagihan gajet ini dan segera mengambil langkah sewajarnya sebelum terlambat.

"Masa depan anak-anak adalah tanggungjawab kita," tegasnya.

Dalam pada itu, Nabisa turut menyeru agar semua pihak dapat bekerjasama mendidik anak-anak tentang tatacara sihat dan betul dalam menggunakan teknologi secara bijak.

"Ini bukan tanggungjawab seorang ibu atau bapa sahaja, tetapi semua pihak termasuk sekolah dan persekitaran," katanya sebelum mengakhiri perbualan.

## YEOH Yin Yin



Seorang lagi responden, **YEOH YIN YIN** berpandangan bahawa masa skrin *(screening time)* yang terlalu lama boleh menyebabkan masalah seperti *digital eye strain syndrome* (DES) atau *computer vision syndrome* (CVS) iaitu sindrom penglihatan komputer.

"Pelajar kini semakin kerap mengalami simptom seperti mata kering, penglihatan kabur dan sakit kepala akibat penggunaan gajet yang berpanjangan," katanya.

Beliau menegaskan bahawa langkah pencegahan seperti menggalakkan waktu rehat berkala daripada skrin amat penting untuk kesihatan mata.

Selain itu, Yin Yin juga mencadangkan agar pelajar meluangkan lebih banyak masa di luar rumah dan memastikan pencahayaan yang sesuai ketika menggunakan peranti digital.

"Bukan itu sahaja, ketagihan melampau terhadap peranti elektronik juga memberi kesan buruk pada aspek kesihatan mental pelajar.

"Masa skrin yang berlebihan boleh menyebabkan gangguan tidur, kegelisahan dan keupayaan fokus yang rendah.

"Lebih membimbangkan, pendedahan berlebihan kepada media sosial dan kandungan dalam talian sering dikaitkan dengan masalah harga diri yang rendah serta pengasingan sosial," jelasnya.

Beliau yang merupakan Pembantu Khas kepada Exco Kesihatan turut menekankan peri pentingnya peranan ibu bapa dalam menangani isu ini.

"Ibu bapa harus menjadi contoh dengan mengamalkan tabiat digital yang sihat.

"Ibu bapa juga perlu menetapkan had masa skrin yang jelas untuk anak-anak dan berbincang secara terbuka mengenai kandungan yang mereka boleh akses.

"Bukan setakat itu sahaja, semua pihak termasuk sekolah dan masyarakat umum juga perlu berganding bahu dalam memastikan para pelajar dapat menikmati manfaat teknologi tanpa menjejaskan kesihatan dan perkembangan mereka.

"Teknologi adalah alat yang berkuasa, tetapi tanpa bimbingan yang betul, ia boleh membawa keburukan," tambahnya yang percaya bahawa pendekatan holistik diperlukan untuk menangani isu ini dan mencipta keseimbangan antara dunia digital dan realiti.

# Lebih kreatif dan progresif

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BAYAN LEPAS -** Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) diharap tampil lebih kreatif dan progresif dalam usaha membawa negeri Pulau Pinang ke tahap yang lebih tinggi.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa PDC sebagai sebuah agensi negeri perlu menjalinkan kerjasama erat dengan Kerajaan Persekutuan, pelabur dan semua pemegang taruh utama di negeri ini.

"Umumnya, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha mencari jalan untuk memperkukuh kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam memastikan pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang terus berkembang secara mampan dan inklusif.

"Ini adalah sejajar dengan aspirasi menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai hab ekonomi utama negara.




**KETUA Menteri dan Aziz Bakar (tiga dari kiri) bergambar bersama-sama wakil persatuan-persatuan kebajikan di Pulau Pinang yang menerima sumbangan sempena Majlis Sambutan Perayaan Aidilfitri PDC 2025 di sini baru-baru ini.**

"Justeru, adalah menjadi harapan saya agar PDC tampil dengan kreativiti dan strategi progresif untuk membawa Pulau Pinang ke tahap lebih tinggi menerusi kerjasama erat bersama-sama Kerajaan Persekutuan, pelabur tempatan serta antarabangsa dan semua pemegang taruh utama.

"Pendekatan berkaitan bukan sahaja akan mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan strategik, malah secara tidak langsung juga memberi impak positif menyeluruh kepada ekonomi negeri dan kesejahteraan rakyat negeri ini," katanya ketika berucap pada Majlis Sambutan Perayaan Aidilfitri PDC 2025 di sini 15 April lalu.

Menyentuh mengenai kejayaan PDC, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi menyatakan bahawa pembangunan asrama pekerja dan bangunan kemudahan di Plot 1017, *Penang Science Park South* merupakan salah satu detik transformatif pembangunan negeri pada tahun ini.

"Projek ini menandakan satu langkah penting bagi PDC untuk menceburi cabang perniagaan baharu iaitu penyediaan penginapan selesa serta kemudahan lengkap kepada para pekerja bagi menyokong pertumbuhan sektor industri di Pulau Pinang.

"Dengan pembangunan asrama pekerja ini, kita berharap ia dapat menarik lebih banyak pelaburan, sekali gus memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai hab industri dan teknologi terkemuka.

"Usaha ini juga selaras dengan status *Penang Science Park South* sebagai pusat inovasi serta teknologi utama di Pulau Pinang.

"Selain itu, projek ini turut menyokong aspek ekonomi dan mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif serta pembangunan modal insan mampan," ujarnya.

IJM Bayouri | EMERI PLACE

HAKMILIK KEKAL

DISKAUN 5%
UNTUK BUMIPUTERA

Distinctively IJM

HAB PEMBANGUNAN KOMERSIAL

JAWI, PULAU PINANG.




Memperkenalkan Emeri Place, sebuah hab komersial maju di IJM Bayouri yang bakal menjadi tumpuan popular perniagaan dan aktiviti riadah.

**Kedai Pejabat 1 Tingkat**
Luas Tanah 170 mp - 324 mp | Luas Bangunan 1,380 kp - 2,169 kp

**Restoran "Pandu-Lalu" 2 Tingkat**
Luas Tanah 1,616 mp | Luas Bangunan 6,231 kp

**Unit Komersial 2 Tingkat**
Luas Tanah 2,001 mp | Luas Bangunan 5,730 kp

- Akses Mudah
- Seni Bina Moden
- Suasana Perniagaan yang Mendamaikan
- Tempat Letak Kereta yang Luas

**Harga daripada RM1,389,000 ke atas**

**CHEN YU LAND SDN. BHD.** 197401003098 (20172-X)
**GALERI IJM BAYOURI**
Lot 10609, Mukim 11, Jalan Nibong Tebal, 14200 Sungai Jawi, S.P.S. Penang. Malaysia.

IJM LAND
A SUBSIDIARY OF IJM CORPORATION BERHAD

+604-582 8111 / +604-296 1333 | IJM Land Berhad | ijmland | ijmland.com

# Atlet catur pekak cekal cipta nama



LOH Pin Xie.

**GENGGAM** bara api, biar sampai jadi arang, itulah peribahasa yang sesuai untuk menggambarkan atlet catur pekak, **LOH PIN XIE** yang kini semakin dikenali dengan kejayaan beliau dalam arena sukan catur.

Baru-baru ini, Pin Xie sempat berkongsi sedikit sebanyak perjalanan karier beliau berkecimpung dalam sukan catur melalui satu sesi wawancara khas bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar, **SITI NURATIKAH RAHMAT**.

Perjalanan atlet kelahiran Johor itu bermula apabila beliau mula menjalani sesi latihan secara serius pada usia 13 tahun, walaupun pada awalnya agak mustahil tetapi dek kesungguhan beliau mengatasi segalanya.

"Sukan catur merupakan aktiviti wajib keluarga saya di rumah, ibu (Ng Kwi Chuan) yang banyak melatih saya di rumah pada awalnya, setelah semakin serius dan minat mula bercambah, barulah saya mula mempelajari sendiri kaedah memahiri sukan catur.

"Hari demi hari, saya berjaya meningkatkan kemahiran dalam sukan ini, dan mulai yakin untuk menyertai beberapa kejohanan pada masa itu.

"Waktu itu, saya rasa kaedah *'self-learning'* mampu membuatkan saya lebih fokus serta berupaya meningkatkan kemahiran bermain catur," ujarnya.



**GAMBAR kenangan yang dirakam bersama-sama Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh Tseow Suan (kiri) pada kejohanan Para SUKMA di Sarawak.**

Tambah Pin Xie, beliau bukan sahaja berjaya mencipta nama pada peringkat negeri, bahkan juga antarabangsa.

"Sewaktu pandemik COVID-19, saya berasa sangat bersyukur kerana dapat menyertai lebih banyak kejohanan catur bukan sahaja kejohanan peringkat tempatan malahan juga pada peringkat antarabangsa walaupun hanya secara dalam talian.

"Kemudian disusuli beberapa kejohanan lokal yang turut dianjurkan oleh Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM); Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dan *Penang Chess Association* (PCA) serta banyak lagi.

"Kejayaan baru-baru ini semasa Para Sukan Malaysia (Para SUKMA) Ke-21 di Sarawak, saya telah berjaya memperoleh pingat gangsa secara individu manakala pingat perak bagi berpasukan.

"Setiap kejayaan yang diperoleh membolehkan saya bertanding sebagai atlet catur pada peringkat dunia.

"Secara peribadinya, jika dilihat semula perjalanan sukan catur ini, setiap kejohanan bukan sekadar untuk menang atau kalah, ia merupakan suatu kebanggaan dan kepuasan, jika kalah saya akan memperbaiki aspek mana yang terkurang," jelasnya.

Berkongsi mengenai harapan dan sasaran, Pin Xie menganggap rezeki kemenangan beliau telah membuka banyak rezeki untuk dirinya dan keluarga.

"Moto hidup saya, walaupun saya mempunyai masalah pendengaran, kebolehan yang saya ada lebih baik daripada ketidakbolehan saya, jadi walaupun ketidakbolehan saya dari segi pendengaran, saya tetap cekal dan terus berusaha untuk menjadi lebih baik.

"Justeru, sasaran seterusnya adalah untuk saya terus aktif bermain catur sambil menyambung pelajaran, malah jika berpeluang saya juga ingin mencipta nama pada tahap tertinggi dan seterusnya.

"(Dan) walaupun saya pernah menyertai kejohanan antarabangsa secara dalam talian semasa pandemik, saya juga ingin merasai sendiri pengalaman bertanding di luar negara (secara fizikal) jika berpeluang," harapnya.

Pada kesempatan sama, Pin Xie menzahirkan rasa syukur atas hadiah kemenangan Skim Insentif Kemenangan Sukan (SKIMAS) bagi Sukan Orang Pekak Asia Pasifik Ke-10 Malaysia 2024 yang berjumlah RM24,000 diterimanya daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Saya akan memanfaatkan hadiah kemenangan ini dengan sebaiknya," tuturnya menutup bicara.




**MENERIMA hadiah kemenangan SKIMAS daripada Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen (dua dari kiri).**

# Persiapan awal PFC

## depani musim baru positif



AKSI lincah yang dipamarkan oleh skuad belia Penang FC ketika menentang lawan dalam perlawanan persahabatan baru-baru ini.

**PADA** 24 hingga 26 Mac lepas, Skuad Belia Pulau Pinang FC (PFC) telah mengadakan sesi pemilihan terbuka di Kopa Arena, Universiti Sains Malaysia (USM).

Sesi pemilihan itu untuk menjejaki dan menyaring bakat-bakat baharu yang berasal dari negeri Pulau Pinang atau bermastautin di negeri ini, asalkan berusia 18 tahun dan ke bawah.

Sesi pemilihan tersebut adalah sebagai persiapan menghadapi musim saingan baharu, serta ternyata mendapat sambutan menggalakkan daripada pelbagai pihak terutama mereka yang mahu mengembangkan bakat secara profesional menerusi pasukan bola sepak yang dibentuk ini.

Pada hari pertama sesi pemilihan khas, seramai 219 pemain hadir bagi merebut peluang menyertai skuad pembangunan PFC, diikuti 90 pemain pada hari kedua.

Manakala pada hari ketiga sesi pemilihan khas pemain, telah menerima penyertaan sekitar 50 orang.

"Melihat kepada bakat dan potensi luar biasa yang ditampilkan, sesi pemilihan terpaksa dilanjutkan bagi memberi ruang kepada penilaian yang lebih menyeluruh," kata **DANIEL GOOI ZI SEN** kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** pada 23 April lalu.



DANIEL Gooi Zi Sen.

Menurut Zi Sen yang merupakan Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, beliau percaya dengan bimbingan serta pengalaman luas Ketua Jurulatih, 'Coach Fendi' dan 'Coach Zabidi' (Penolong Ketua Jurulatih), proses penilaian dan saringan untuk membentuk pasukan pemain dijalankan secara teliti serta profesional.

"Hasil daripada saringan yang ketat serta berfokus, seramai 25 pemain telah disenarai pendek dan disahkan sebagai pemain rasmi skuad Belia PFC pada hari kelima sesi pemilihan," jelasnya lagi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

Tambah beliau, beberapa siri perlawanan persahabatan telah diatur dan berlangsung bagi menguji tahap prestasi awal para pemain selain demi membina keserasian sesama mereka, antaranya;

- 5 April 2025: Perlawanan persahabatan menentang pasukan SSN Mutiara Impian Bawah 17 Tahun.
- 6 April 2025: Perlawanan *sparring* menentang skuad Presiden PFC Bawah 20 Tahun di Padang Kopa Arena, dengan kemenangan berpihak kepada skuad Belia PFC, 3-1.
- 9 April 2025: Perlawanan persahabatan menentang Kolej Matrikulasi Pulau Pinang yang berakhir dengan kemenangan besar 5-0.
